



## KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA

### MAKLUMBALAS PTPTN TERHADAP SAMAN JANJI MANIFESTO

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merujuk kepada liputan media berkenaan pemfailan writ saman oleh lima (5) peminjam melalui peguam terhadap PTPTN, Parti Pakatan Harapan (PH) dan Kerajaan Malaysia pada 22 Oktober 2019 (Selasa).
2. Pada masa ini, PTPTN masih belum menerima salinan writ saman tersebut. Semakan dan penelitian lanjut akan dibuat selepas dokumen tersebut diterima bagi memastikan kandungan sebenar di dalamnya.
3. Memandangkan PTPTN merupakan agensi di bawah KPM dan Kerajaan Malaysia juga adalah defendant di dalam saman ini, tindakan susulan akan diambil selepas perbincangan dibuat bersama Penasihat Undang-Undang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Peguam Negara.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
23 Oktober 2019